



2023

LAPORAN TAHUNAN

MAJLIS DAERAH KERIAN





LAPORAN TAHUNAN

MAJLIS DAERAH KERIAN

ISI KANDUNGAN

1 PENGENALAN

• Perutusan Yang Dipertua	3
• Latar Belakang	4
• Misi / Visi / Objektif	5
• Carta Organisasi	6
• Pengurusan Tertinggi	7
• Ahli-Ahli Majlis	8-9

2 LAPORAN JABATAN

• Jabatan Khidmat Pengurusan	10-19
• Jabatan Perbendaharaan	20-33
• Jabatan Perancang Bandar & Landskap	34-47
• Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	48-59
• Jabatan Bangunan	60-64
• Jabatan Kesihatan Persekitaran	65-74
• Jabatan Kejuruteraan	75-86
• Jabatan PenguatKuasa	87-94
• Bahagian Sewaan	95-100
• Bahagian Pelesenan	101-106
• Bahagian Perhubungan Awan, Korporat &	107-118
• Pelancongan	
• Bahagian Teknologi Maklumat	119-125
• Unit Pusat Setempat (OSC)	126-132
• Unit Audit Dalam	133-136
• Unit Undang-Undang	137-140

3 AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

• Aktiviti dan Program Sepanjang Tahun	141-146
--	---------



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah rahmat-Nya, Laporan Tahunan Majlis Daerah Kerian 2023 dapat diterbitkan. Saya ingin menzahirkan rasa gembira dan ucapan terima kasih serta sekalung tahniah kepada sidang redaksi yang telah menghasilkan Laporan Tahunan ini sebagai usaha untuk memastikan wahana yang dijadikan wadah penyampaian maklumat ini dapat dihasilkan dan didokumentasikan dengan baik. Input yang terdapat di dalam laporan tahunan ini boleh dijadikan kayu pengukur dan menambahbaik perkhidmatan serta merangka perancangan pada masa hadapan bagi memenuhi kepuasan kepada semua pihak terutamanya penduduk di daerah Kerian.




Majlis Daerah Kerian (MDK) telah menunjukkan prestasi keseluruhan yang amat cemerlang didorong oleh usaha keras semua pihak terutamanya seluruh anggota kerja MDK sepanjang tahun 2023. Saya selaku pengurusan tertinggi MDK merakamkan setinggi-tinggi tahniah serta penghargaan di atas pencapaian yang amat membanggakan sama ada di peringkat negeri maupun kebangsaan.

Majlis Daerah Kerian telah sangat komited dalam membanteras jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan bagi meningkatkan lagi integriti dalam melaksanakan tugas kepada Masyarakat dengan melaksanakan Ikrar dan menandatangani Aku Janji Bebas Rasuah bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ikrar dan janji yang telah dilaksanakan oleh kepimpinan tertinggi termasuk Ahli Majlis yang dilantik serta seluruh warga kerja MDK secara sukarela atas kapasiti sebagai individu yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas serta amanah yang telah diberikan dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah sepanjang tempoh perkhidmatan di MDK.

Usaha membanteras dan memerangi rasuah ini bukan tanggungjawab ekslusif di bawah pihak SPRM semata-mata tetapi ia merupakan Amanah dan tanggungjawab yang harus dipikul oleh seluruh Masyarakat di negara ini terutamanya dikalangan anggota perkhidmatan awam. Ikrar Bebas Rasuah (IBR) adalah sebagai salah satu bukti komitmen majlis bagi membendung jenayah rasuah ini sebagai pendorong kepada semua pihak terutamanya kepada Masyarakat dan pihak berkepentingan serta menunjukkan sikap keterbukaan dalam mencegah dan menangani rasuah. Semoga segala usaha yang telah dilakukan ini dapat menyokong prinsip integrity bagi memastikan kulaiti penyampaian perkhidmatan terus diyakini oleh Masyarakat.


Pihak Majlis juga telah mengadakan kempen *Tiada Beg Plastik Sekali Guna* sebagai salah satu usaha melestarikan alam sekitar kerana plastic merupakan musuh secara senyap kepada masyarakat dan alam sekitar kerana pembuangan plastic secara tidak terkawal akan menyebabkan pencemaran alam sekitar. Kempen yang dilaksanakan ini diharapkan dapat mengurangkan penggunaan beg plastic sekali guna dikalangan Masyarakat yang telah mendatang Kerjasama yang baik dari pasaraya besar, pasaraya, kedai serbaneka, restoran makanan segera dan farmasi. Semoga segala usaha yang dilaksanakan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak selari dengan Visi dan Misi Kerian Sebagai Perbandaran Yang Lestari dan Mampan.



LATAR BELAKANG

MDK telah ditubuhkan dan diwartakan pada 1 September 1979. Pengisytiharan MDK telah dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Idris Al Mutawakkil Alallahi Shah Ibni Almarhum Sultan Iskandar Shah Kaddasallah pada 5 September 1979. Sebelum penubuhan Majlis Daerah Kerian (MDK), satu pentadbiran di peringkat kerajaan tempatan telah ditubuhkan bagi memainkan fungsi dan peranannya mentadbir dan mengurus pentadbiran di peringkat daerah yang dikenali sebagai Lembaga Bandaran Kerian pada 1 Julai 1975.

PROFIL DAERAH KERIAN



Keluasan	911.496 km persegi
Jumlah Penduduk	197,700 orang
Jumlah Mukim	8 mukim
Jumlah Kampung	95 kampung




OBJEKTIF

- 1 Memantapkan tadbir urus majlis dan sumber manusia yang berwibawa dan berjiwa murni.
- 2 Mempertingkatkan dan memperkuuhkan sumber hasil majlis.
- 3 Menyediakan kemudahan perbandaran yang berkualiti.
- 4 Memantapkan dan membudayakan pengguna teknologi yang lebih efisyen.
- 5 Mempertingkatkan kualiti hidup komuniti dan persekitaran yang mampan.

PERKHIDMATAN	PERKARA	TEMPOH
Perkhidmatan Pungutan Sampah	Kawasan perumahan & premis perniagaan Pasar awam	2 kali seminggu 1 kali sehari
Perkhidmatan Pembersihan Kawasan	Jalan protokol, parit & kawasan awam	2 kali sebulan
Kelulusan Bangunan	Permohonan mendirikan bangunan Setara/pindaan/tambahan & membaiki	2 bulan 2 minggu
Kelulusan Lesen	Lesen perniagaan khas	10 hari
Pengaduan Awam /Maklumbalas / Cadangan	Surat pengesahan penerimaan aduan / maklumbalas / cadangan Mengambil tindakan terhadap aduan	3 hari 14 hari



Carta Organisasi MAJLIS DAERAH KERIAN



TARIKH KEMASKINI: 27.9.2023



BARISAN KEPIMPINAN MAJLIS DAERAH KERIAN

PENGURUSAN ATASAN



YANG DIPERTUA

Tuan Helmi bin Yusof @ Jusoh



SETIAUSAHA

Puan Norhafisah binti Mohamad

KETUA JABATAN



Ketua Jabatan khidmat Pengurusan

Puan Rose Aniza binti Sadri



Ketua Jabatan Bangunan

Puan Nor Azlita binti Zainal Abidin



Ketua Jabatan Kesihatan Persekutaran

Encik Mohd Zabidi bin Nun



Ketua Jabatan Perpendaharaan

Encik Mahzan Bin Morat



Ketua Jabatan Perancang Bandar & Landskap

Encik Anas bin Dolah



Ketua Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

Encik Abdul Hamid bin Abdullah



Ketua Jabatan Kejuruteraan

Encik Mohd Akhmar bin Mohd Moktar



Ketua Jabatan Penguatkuasa

Encik Mohd Syahrul Asraf bin Osman

KETUA BAHAGIAN/ UNIT



Ketua Unit Pusat Setempat

Encik Muhammad Reduan bin Jaafar



Ketua Bahagian Pelesenan

Puan Norazillabin Mahat



Ketua Unit Dalam

Puan Nur Hafizah binti Md Daud



Ketua Unit Undang-Undang

Puan Nurul Hidayah binti Azizan



Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Korporat & Pelancongan

Encik Azizul Nazli bin Abd Hadi



AHLI-AHLI MAJLIS MAJLIS DAERAH KERIAN



ZON 1
Encik Beh Choo Lim



ZON 1
Puan Siti Hawa Binti
Jamaluddin



ZON 2
Encik Mohd Asyraf Bin
Anuar



ZON 3
Puan Low Lee Mee



ZON 4
Encik Elias Bin
Mohamed Sarakawi



ZON 4
Encik P Sivarajoo A/L
Penchilaya



ZON 5
Encik Shamsul bin
Husain



ZON 6
Puan Norsalewati
binti Mat Norwani



ZON 7
Puan Chua Seok
Kheng



ZON 7
Puan Yeap Hui Min



ZON 8
Encik Anuar bin
Ahmad



ZON 9
Encik Beh Yoang Kean



AHLI-AHLI MAJLIS MAJLIS DAERAH KERIAN



ZON 10

Encik Muhamad
Nakhaie bin Wahab



ZON 11

Tuan Haji Shahrul
Nizam bin Razali



ZON 12

Encik Nazirul bin
Jamaludin



ZON 13

Encik Muirthy A/L
Kanapathy



ZON 14

Tuan Haji Zaini bin
Cha



ZON 15

Encik Ng Cheong Piew



ZON 16

Encik Mark Amandus
A/L Laurance



ZON 17

Puan Norsalewati
binti Mat Norwani



ZON 18

Encik Mohd Syukri Bin
Abu Hassan



ZON 19


Encik Ahmad Saqif
Ansorullah bin Ahmad
Jihbadz Mokhlis



WISMA M D K

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

CARTA ORGANISASI
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



• OBJEKTIF JABATAN

MENGURUSKAN SUMBER MANUSIA, PERKHIDMATAN SOKONGAN PENTADBIRAN DAN KHIDMAT PENGURUSAN DENGAN CEKAP DAN BERKESAN.

• FUNGSI JABATAN

MENGENDALIKAN URUSAN PERKHIDMATAN PERJAWATAN / PERSONEL, PENTADBIRAN AM DAN KHIDMAT PENGURUSAN.

• PIAGAM PELANGGAN

- i. MEMASTIKAN SEMUA ANGGOTA MAJLIS DAERAH KERIAN MENGHADIRI LATIHAN SEKURANG-KURANGNYA 7 HARI SETAHUN.
- ii. MEMASTIKAN SEWAAN DEWAN DIBERI KELULUSAN SELEWAT-LEWATNYA DUA HARI BEKERJA SEBELUM TARikh PENYEWAAN (INDIVIDU)

• Pelantikan Anggota Kerja (Kontrak)

JAWATAN	TARIKH LANTIKAN	JUMLAH	STATUS
PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19	3 JANUARI 2023	1	KONTRAK
PEMBANTU OPERASI GRED N11	2 MEI 2023	3	KONTRAK
PEMBANTU AWAM GRED H11	2 MEI 2023	7	KONTRAK
PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29	1 JUN 2023	1	KONTRAK

• Pelantikan Anggota Kerja (Tetap)

JAWATAN	TARIKH LANTIKAN	JUMLAH	STATUS
PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19	16 MAC 2023	3	TETAP
PEMANDU KENDERAAN GRED H11	16 MAC 2023	2	TETAP
PEMBANTU OPERASI GRED N11	16 MAC 2023	1	TETAP
PEMBANTU OPERASI GRED N11	24 MAC 2023	1	TETAP
PEMBANTU AWAM GRED H11	16 MAC 2023	7	TETAP
PEMBANTU AWAM GRED H11	20 MAC 2023	1	TETAP

• Pengurusan Pelajar Praktikal

BIL.	JENIS PERMOHONAN	BILANGAN
1.	Permohonan diluluskan	25
2.	Permohonan diluluskan tetapi menolak	2
3.	Permohonan ditolak	
	i. Penuh	23
	ii. Di luar bidang kursus MDK	11
	iii. Maklumat tidak lengkap	-
	JUMLAH PERMOHONAN DIURUSKAN	61

• Kenaikan Pangkat

JAWATAN	JAWATAN KENAIKAN PANGKAT	TARIKH
PENOLONG JURUTERA JA29 1 ORANG	PENOLONG JURUTERA JA36	1 APRIL 2023
SETIAUSAHA PEJABAT N29 1 ORANG	SETIAUSAHA PEJABAT N32 (KUP)	1 JANUARI 2023
PEMBANTU TADBIR N19 1 ORANG	PEMBANTU TADBIR N22 (KUP)	1 FEBRUARI 2023
PEMBANTU AWAM H11 1 ORANG	PEMBANTU AWAM H14	1 JULAI 2023
PEMBANTU TADBIR N22 1 ORANG	PEMBANTU TADBIR N26	18 DISEMBER 2023

• Bersara/ Genap Tempoh Kontrak

PERSARAAN WAJIB

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED	UMUR / TAHUN	TEMPOH PERKHDMATAN		TEMPOH/ TAHUN	JENIS PERSARAAN
				TARIKH LANTIKAN PERTAMA	TARIKH PERSARAAN		
1	MALIK RIDZOAN BIN OTHMAN	PEMBANTU AWAM GRED H11	60 THN	01/03/2013	14/01/2023	10 THN	WAJIB
2	ABU HASSAN BIN MUSTAPA	PEMBANTU OPERASI GRED N11	60 THN	04/02/2003	23/03/2023	20 THN	WAJIB

PERSARAAN WAJIB (KONTRAK GENAP 58 TAHUN)

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED	UMUR / TAHUN	TEMPOH PERKHDMATAN		TEMPOH/ TAHUN	JENIS PERSARAAN
				TARIKH LANTIKAN PERTAMA	TARIKH PERSARAAN		
1	ABD RASID BIN AHMAD	PEMBANTU TADBIR RENDAH GRED N11	58 THN	01/11/2000	14/12/2023	23 THN	WAJIB (KONTRAK)

PERSARAAN PILIHAN

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED	UMUR / TAHUN	TEMPOH PERKHDMATAN		TEMPOH/ TAHUN	JENIS PERSARAAN
				TARIKH LANTIKAN PERTAMA	TARIKH PERSARAAN		
1	RUSLAN BIN MOHD SEDEK	PEMANDU KENDERAAN GRED H11	58 THN	01/07/1985	01/01/2023	38 THN	PILIHAN
2	IBRAHIM BIN HAJI OSMAN	PENOLONG JURUTERA GRED JA36	55 THN	01/07/1994	01/01/2023	29 THN	PILIHAN
3	HASNNAH BINTI JAMAL UDIN	PEMBANTU TADBIR GRED N26	58 THN	01/06/1984	01/02/2023	38 THN	PILIHAN

PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED	UMUR / TAHUN	TEMPOH PERKHDMATAN		TEMPOH/TAHUN	JENIS PERSARAAN
				TARIKH LANTIKAN PERTAMA	TARIKH PERSARAAN		
1	SULAIMAN BIN MOHAMMED	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA29	47 THN	16/04/2023	02/09/2023	19 THN	ATAS SEBAB KESIHATAN

PERSARAAN TERBITAN

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED	UMUR / TAHUN	TEMPOH PERKHDMATAN		TEMPOH/TAHUN	JENIS PERSARAAN
				TARIKH LANTIKAN PERTAMA	TARIKH PERSARAAN		
1	ABDUL MURAD BIN MAT DOM	PEMBANTU AWAM GRED H11	56 THN	01/07/1995	23/07/2023	28 THN	TERBITAN

• **PENGENDALIAN MESYUARAT**

BIL	MESYUARAT	KEKERAPAN
1	MESYUARAT PENUH	11 KALI
2	MESYUARAT PENGURUSAN	8 KALI
3	MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI RASUAH (JAR)	3 KALI
4	MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)	3 KALI
5	MESYUARAT LEMBAGA PELANTIKAN ANGGOTA MAJLIS DAERAH KERIAN	7 KALI
6	MESYUARAT JAWATANKUASA TATATERTIB (KUMPULAN SOKONGAN I DAN II): DENGAN TUJUAN BUKAN BUANG KERJA ATAU TURUN PANGKAT	2 KALI
7	MESYUARAT LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT	2 KALI
8	MESYUARAT PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA	1 KALI
9	MESYUARAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	3 KALI
10	MESYUARAT PELAN STRATEGIK	1 KALI
11	MESYUARAT INDUK 5S	2 KALI

• Pengendalian Program

BIL	KURSUS/BENGKEL/PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN
1.	Majlis Apresiasi Kecemerlangan Majlis Daerah Kerian 2022 Dan Perjumpaan Anggota Kerja Bilangan 1 Tahun 2023	06 Januari 2023
2.	Sesi Latihan Sistem Ehadir Siri 3	16 Januari 2023 (5 sesi)
3.	Sesi Latihan Sistem Ehadir Siri 3	17 Januari 2023 (5 sesi)
4.	Sesi Latihan Sistem Ehadir Siri 3	18 Januari 2023 (5 sesi)
5.	Sesi Latihan Sistem Ehadir Siri 3	19 Januari 2023 (4 sesi)
6.	Sesi Latihan Sistem Ehadir Siri 3	20 Januari 2023 (2 sesi)
7.	Kursus Pengukuhan Pasukan Majlis Daerah Kerian Noray Homestay, Telok Bahang dan Escape Penang	03 – 04 Februari 2023
8.	Sesi Latihan Sistem Ehadir Siri 3 Jabatan Penguatkuasa MDK	03 Februari 2023
9.	Sesi Latihan Sistem ePBT Modul Lesen	16 Februari 2023
10.	Sesi Latihan Sistem Pengurusan Kompaun (SPK) Bagi Modul Pengurangan Kompaun	22 Februari 2023
11.	Taklimat Berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi	23 Februari 2023
12.	Majlis Perjumpaan Bulanan Anggota Kerja Bil 2/2023 dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah	08 Mac 2023
13.	Lawatan Sambil Belajar Amalan 5s Ke Perpustakaan UITM Cawangan Kedah	16 Mac 2023
14.	Taklimat Berkaitan Penguatkuasaan dan Pemakaian Undang-Undang Kecil Majlis Daerah Kerian	20 Mac 2023
15.	Bengkel Sasaran Kerja Utama (SKU) Majlis Daerah Kerian Bagi Tahun 2023	21 Mac 2023
16.	Ceramah Agama Bertajuk Andai ini Ramadan Ku Yang Terakhir Oleh Ustaz Uzair bin Abd Hani	14 April 2023
17.	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jasamu Dikenang 2022 Dan Perjumpaan Bulanan Majlis Daerah Kerian Bilangan 3 Tahun 2023	11 Mei 2023
18.	Program Sesi Libat Urus Penanda Aras Pelancongan , Perkongsian Ilmu Teknik Penyediaan Dokumentasi AIPBT Dan Pengukuhan Pasukan Siri 2 Tahun 2023 Di Selama Inn @ Rumah Rehat Selama, Perak	12 dan 13 Mei 2023
19.	Program Lawatan Sambil Belajar Kumpulan Inovasi Majlis Daerah Kerian Ke Pariaman, Padang Indonesia	25 hingga 28 Mei 2023
20.	Sesi Latihan Kefahaman dan Pelaksanaan Keperluan Standard ISO 37001: 2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) bagi Kumpulan Pelaksana Dan Kakitangan MDKerian	30 Mei 2023
21.	Sesi Bengkel 1 Pemahaman Pelaksanaan dan Pengurusan Risiko Keperluan Standard ISO 37001: 2016 Anti Bribery Management System (ABMS) Bagi Kumpulan Pelaksana dan Kakitangan	14 hingga 15 Jun 2023
22.	Kempen Kesedaran Serta Penerangan Program My Pledge Against Cancer (MPAC) MAKNA	19 Jun 2023
23.	Bengkel Pemurnian Belanjawan 2024 Majlis Daerah Kerian di D'Village@Victoria Bridge Karai Kuala Kangsar	12 dan 13 Julai 2023

BIL	KURSUS/BENGKEL/PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN
24.	Program Pengukuhan Pasukan Ahli Jawatankuasa Kelab Sukan dan Kebajikan MDKerian Tahun 2022/2023 – Exsplorasi Gua Prasejarah Lenggong, Perak	14 dan 15 Julai 2023
25.	Sesi Bengkel 1 (sambungan) Pemahaman Pelaksanaan dan Pengurusan Risiko Keperluan Standard ISO 37001: 2016 Anti Bribery Management System (ABMS) Bagi Kumpulan Pelaksana dan Kakitangan	26 Julai 2023
26.	Lawatan Sambil Belajar Pelaksanaan Kebun Komuniti dan Penggunaan Sistem Informasi Geografi (GIS) di Majlis Daerah Kampar	02 Ogos 2023
27.	Sesi Bengkel 1 (sambungan Ogos) Pemahaman Pelaksanaan dan Pengurusan Risiko Keperluan Standard ISO 37001: 2016 Anti Bribery Management System (ABMS) Bagi Kumpulan Pelaksana dan Kakitangan	21 Ogos 2023
28.	Kursus Myperformance Dalam Aplikasi Hrmis Majlis Daerah Kerian Di Dewan Merdeka, Parit Buntar	05 September 2023
29.	Sesi Latihan Sistem Epermit	11 September 2023
30.	Kursus Audit Dalaman Sistem Pengurusan Bersepadu Iso 37001:2016	14 dan 15 September 2023
31.	Kursus Pengukuhan Pasukan, Pasukan Bola Sepak Majlis Daerah Kerian di Nadias Hotel, Pulau Langkawi	29 September hingga 01 Oktober 2023
32.	(Sambungan) Kursus Audit Dalaman Sistem Pengurusan Bersepadu ISO 37001: 2016	02 Oktober 2023
33.	Majlis Bersama Presiden ANULAE (Cuapecs) – Isu-isu Perkhidmatan Awam- dan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ANULAE Kawasan Kerian Di Dewan Merdeka, Parit Buntar	03 Oktober 2023
34.	Kursus Pengurusan Rekod Fail	10 – 11 Oktober 2023
35.	Kursus Pengisian Dan Pengiraan Bulanan Buku Log Kenderaan di Pejabat Cawangan Parit Buntar, Perak	12 Oktober 2023
36.	Taklimat Berkaitan Engkuatkuasaan Dan Pemakaian Undang-Undang Kecil Majlis Daerah Kerian Siri 2	30 Oktober 2023
37.	Kursus Tatacara Pengurusan Buku Log Kenderaan di Bilik Alamanda , Majlis Daerah Kerian.	01 November 2023
38.	Kursus Tatacara Pengurusan Aset Alih dan Pengurusan Kenderaan	20-21 November 2023
39.	Program Lawatan Sambil Belajar Majlis Daerah Kerian ke Majlis Perbandaran Temerloh Bagi Perkongsian Ilmu Amalan Pengurusan Tandas Terbaik, Produk Inovasi dan Pelancongan Daerah Kerian	26-27 November 2023
40.	Bengkel Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB)/Sistem Pengurusan Anti Rasuah (Anti Briberry Management Systems ABMS) ISO 37001:2016	28-29 November 2023

- Pengendalian Ujian Bertulis / Kecergasan dan Temuduga Jawatan Kosong**

JAWATAN	STATUS	UJIAN BERTULIS / KECERGASAN	TARIKH TEMUDUGA
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19	Tetap	Tiada	13, 15, dan 16 Februari 2023
Pemandu Kenderaan Gred H11	Tetap	Tiada	13 Februari 2023
Pembantu Operasi Gred N11	Tetap	Tiada	13 dan 15 Februari 2023
Pembantu Awam Gred H11	Tetap	Tiada	13, 15, dan 16 Februari 2023
Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan Gred U29	Kontrak	Tiada	27 Mac 2023
Pembantu Awam Gred H11 / Pembantu Operasi Gred N11	Kontrak	Ujian Kecergasan – 9 Mac 2023	Siri 1 - 29 Mac 2023 Siri 2 – 30 Mac 2023

- Laporan Tahunan Sewaan**

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	SEWA DEWAN : MERDEKA, KERIAN PERMAI, BATU LIMA, KOMUNITI BAGAN SERAI, SERAI PERMAI, ALOR PONGSU, DATO' ZAINAL ABIDIN ZIN, RAMLI NGAH TALIB .	248,103.30
2.	SEWA PERALATAN : KERUSI, MEJA, KHEMAH DAN LAIN-LAIN	16,217.50
3.	GELANGGANG BADMINTON DAN PADANG	23,063.25
4.	RUMAH KEDIAMAN : APARTMENT VILLA DI BUKIT MERAH LAKETOWN	560.00
5.	LORI DAN PENGANGKUTAN	50.00
6.	SEWA KAKI LIMA DAN LAIN-LAIN	-
JUMLAH		287,994.05

- Aktiviti-Aktiviti Lain**


BI L	TARIKH	AKTIVITI	KAKITANGAN TERLIBAT	LOKASI	KERJASAMA JABATAN/AGENSI
1.	14 JUN 2023	PEMERIKSAAN MAMOGRAM	6 ORANG KAKITANGAN WANITA	KLINIK ANDA KEPALA BATAS SEBERANG PERAI UTARA	LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA DAERAH KERIAN
2.	21 JUN 2023	PEMERIKSAAN PAP SMEAR	17 ORANG KAKITANGAN WANITA	PEJABAT MDK	PEJABAT KESIHATAN DAERAH KERIAN
3.	22 NOVEMBER 2023 6 DISEMBER 2023	PEMERIKSAAN SARINGAN UJIAN URIN	136 ORANG KAKITANGAN LELAKI	PEJABAT MDK CAWANGAN PARIT BUNTAR DAN BAGAN SERAI	AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN DAERAH KERIAN
4.	12 DISEMBER 2023 13 DISEMBER 2023 14 DISEMBER 2023	PEMERIKSAAN SARINGAN KESIHATAN	167 ORANG	PEJABAT MDK, PEJABAT MDK CAWANGAN PARIT BUNTAR DAN PEJABAT MDK CAWANGAN BAGAN SERAI	KLINIK KESIHATAN DAERAH KERIAN



WISMA M D K

JABATAN PERBENDAHARAAN

CARTA ORGANISASI JABATAN PERBENDAHARAAN



• **OBJEKTIF JABATAN**

- Bertanggungjawab terhadap proses perbelanjaan mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan bagi menyediakan akaun tahunan
- Mengawal dan merancangkan semua aspek belanjawan supaya perbelanjaan dibuat mengikut kelulusan belanjawan.
- Menerima dan memproses kutipan hasil untuk penyedian akaun tahunan
- Menyediakan akaun tahunan pada setiap tahun mengikut arahan perbendaharaan Mengurus semua jenis pembayaran
- Menyediakan maklumat-maklumat kewangan tahunan untuk penyediaan soal-selidik dan teguran audit.

• **FUNGSI JABATAN**

- ✓ Penyedian Penyata Kewangan Majlis
- ✓ Penyediaan Belanjawan Dwi Tahunan Majlis, Pindah Peruntukan dan Tambahan Peruntukan
- ✓ Kutipan Hasil Majlis (Online & Offline)
- ✓ Penyedian Pesanan Tempatan, Inden , Baucer Bayaran dan Bayaran Kepada Pembekal
- ✓ Pembayaran Gaji,Elaun dan Tuntutan PERjalanan dan Lain-lain Yang Berkaitan
- ✓ Menguruskan Penyimpanan Pelaburan Tetap,Pinjaman Kakitangan
- ✓ Penyelenggaraan Maklumat-maklumat Cagaran/Deposit
- ✓ Menguruskan Kutipan dan Tunggakan Hasil
- ✓ Pengurusan Aset Dan Stor

PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022



MAJLIS DAERAH
KERIAN
PERAK DARUL RIDZUAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH KERIAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Majlis Daerah Kerian. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Majlis Daerah Kerian dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 61.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Daerah Kerian pada 31 Disember 2022, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

a. Hartanah, Loji dan Peralatan

- i. Majlis Daerah Kerian telah merekodkan dua buah kenderaan yang diterima pada tahun 2023 dalam tahun kewangan 2022. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan telah terlebih nyata sejumlah RM451,674.

- ii. Sebanyak tiga item perabot dan kelengkapan pejabat, dua item ubah suai bangunan, dan satu item kenderaan telah disusut nilai sepenuhnya pada tahun kewangan 2021 masih disusut nilai dalam tahun kewangan semasa. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan terkurang nyata dan belanja Susut Nilai terlebih nyata sejumlah RM214,341.

- . Majlis Daerah Kerian telah merekodkan penerimaan dan pembayaran bagi projek pembinaan Dewan Terbuka (Arena Square) di Dataran Kerian Permai Parit Buntar dalam Geran Tertunda Kumpulan Wang Rangsangan Ekonomi. Projek masih dalam pembinaan dan kos projek tidak direkodkan dalam item Kerja Dalam Pelaksanaan. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan telah terkurang nyata sejumlah RM513,056.
- iv Nilai buku bersih yang direkodkan dalam senarai Aset Infrastruktur bagi 19 Lorong Belakang sejumlah RM2,204,960 berbeza dengan pengiraan Audit sejumlah RM749,896. Ini menyebabkan Aset Infrastruktur telah terlebih nyata sejumlah RM1,455,064.

b. Penyata Aliran Tunai

Item “Pembelian harta tanah, loji dan peralatan” berjumlah RM1,327,870 dalam Penyata Aliran Tunai tahun 2022 sepatutnya ditunjuk sebagai aliran tunai keluar, telah ditunjukkan sebagai aliran tunai masuk.

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Kerian dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Daerah Kerian bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Daerah Kerian tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Perkara Utama Audit

Kecuali perkara yang dijelaskan dalam perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran, saya memutuskan bahawa tidak ada Perkara Utama Audit lain untuk disampaikan dalam sijil ini.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Kerian yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Kerian yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Kerian, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Kerian untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Daerah Kerian secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Daerah Kerian, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanannya kawalan dalaman Majlis Daerah Kerian;
- C. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Kerian sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Daerah Kerian atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Daerah Kerian tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai perseimbahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Daerah Kerian, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Ahli Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 7J], saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, saya tidak memperoleh maklumat dan penjelasan berkaitan seperti yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis, Majlis Daerah Kerian berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA



PUTRAJAYA

5 OGOS 2023

**MAJLIS DAERAH KERIAN
PERAK DARUL RIDZUAN
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2022**

	Nota	2022 RM	2021 RM	Seperti Yang Dinyatakan n
				Semula
ASET SEMASA				
Tunai dan Kesetaraan Tunai	4	14,516,247	14,602,884	
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	5	7,213,042	3,508,767	
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	6	340,653	430,741	
Pelbagai Akaun Belum Terima dan Deposit	7	751,686	565,243	
Bayaran Terdahulu	8	30,674	68,366	
Pinjaman Kakitangan	9	22,90	20,46	
		<u>9</u>	<u>5</u>	
Jumlah Aset Semasa		22,875,211	19,196,466	
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, Loji dan Peralatan	11	26,906,358	27,049,636	
Aset Tak Ketara	10	255,500	255,500	
Aset Infrastruktur	12	100,676,739	94,190,504	
Pinjaman Kakitangan	9	15.85	29.16	
		<u>2</u>	<u>9</u>	
Jumlah Aset Bukan Semasa		127,854,449	121,524,809	
JUMLAH ASET		<u>150,729,660</u>	<u>140,721,275</u>	
LIABILITI SEMASA				
Akaun Belum Bayar	13	1,968,707	611,584	
Terimaan Terdahulu	14	313,286	214,737	
Deposit	15	441,849	537,393	
Peruntukan Manfaat Kakitangan	16	284.05	264.13	
		<u>0</u>	<u>8</u>	
Jumlah Liabiliti Semasa		3,007,892	1,627,852	
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Peruntukan Manfaat Kakitangan	16	324,785	199,759	
Geran Tertunda	17	1,420.16	2,156.32	
		<u>5</u>	<u>5</u>	
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		1,744,950	2,356,084	
JUMLAH LIABILITI		<u>4,752,842</u>	<u>3,983,936</u>	
ASET BERSIH		<u>145,976,818</u>	<u>136,737,339</u>	
ASET BERSIH		<u>145,976,818</u>	<u>136,737,339</u>	

Penyata di atas hendaklah dibaca bersama dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
Dimuka surat 38 sehingga 51

**MAJLIS DAERAH KERIAN
PERAK DARUL RIDZUAN
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2022**

	NOTA	2022 RM	2021 RM Seperti Yang Dinyatakan Semula
HASIL			
Urus Niaga Bukan Pertukaran	20	35,935,772	39,932,673
Urus Niaga Pertukaran	21	3,255,219	2,847,403
JUMLAH HASIL		39,190,991	42,780,076
PERBELANJAAN			
EMOLUMEN			
Gaji dan Upahan		4,422,889	4,252,613
Elaun Tetap		1,166,741	1,232,264
Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan		805,755	809,713
Elaun Lebih Masa		552,632	660,189
Faedah Kewangan yang Lain		31,562	30,660
Elaun Ahli Majlis		374,625	392,540
Bayaran Imbuhan Tahunan/Bantuan Kewangan		852,222	157,664
Jumlah Emolumen		8,206,426	7,535,643
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN			
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	22	178,111	117,108
Perhubungan dan Utiliti	23	2,023,604	1,797,810
Sewaan	24	159,751	89,697
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan untuk Penyelenggaraan	25	601,106	606,452
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	26	548,755	443,142
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	27	10,086,393	13,639,399
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	28	5,625,248	4,643,290
Jumlah Perkhidmatan dan Bekalan		19,222,968	21,336,898
ASET BERNILAI RENDAH	29	400,624	200,131
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP	32	248,815	989,918
PERBELANJAAN – PERBELANJAAN LAIN			
Pelbagai Perbelanjaan	30	803,468	409,673
Bayaran Balik dan Hapus Kira	31	142,821	46,875
Susut Nilai	11	4,078,680	3,980,792
Jumlah Perbelanjaan – Perbelanjaan Lain		5,024,969	4,437,340
PEMBANGUNAN	33	355,345	1,353,443
JUMLAH PERBELANJAAN		33,459,147	35,853,373
LEBIHAN BAGI TAHUN		5,731,844	6,926,703

Penyata di atas hendaklah dibaca bersama dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
Dimuka surat 51 sehingga 56

**MAJLIS DAERAH KERIAN
PERAK DARUL RIDZUAN**

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

NOTA	KUMPULAN WANG TERKUMPUL	KUMPULAN WANG MAJLIS	JUMLAH ASET BERSIH
	RM	RM	RM
Baki Pada 1 Januari 2021 <i>- sebelum yang dinyatakan semula</i>	130,903,855	111,000	131,014,855
Kesan Pemakaian MPSAS	(1,548,234)	-	(1,548,234)
Baki Pada 1 Januari 2021 <i>- seperti yang dinyatakan semula</i>	129,355,621	111,000	129,466,621
Pelarasan	18	455,015	455,015
Lebihan Pendapatan bagi Tahun	6,926,703	-	6,926,703
Baki Pada 31 Disember 2021 <i>- seperti yang dinyatakan semula</i>	136,737,339	111,000	136,848,339
Lebihan Pendapatan bagi Tahun	5,731,844	-	5,731,844
Pelarasan	18	3,396,635	3,396,635
Baki Pada 31 Disember 2022	145,865,818	111,000	145,976,818

Penyata di atas hendaklah dibaca bersama dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
Dimuka surat 50

**MAJLIS DAERAH KERIAN,
PERAK DARUL RIDZUAN**
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	2022	2021 Seperti Yang Dinyatakan Semula
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan Bagi Tahun	5,731,844	6,926,703
Pelarasan untuk :-		
Pelarasan tahun semasa	3,396,635	455,015
Susut Nilai harta tanah, loji dan peralatan	4,078,680	3,980,792
Pindahan dari pemberian kerajaan yang dimodalkan	1,694,542	(10,410,042)
	(1	
Faedah simpanan tetap	(203,784)	(152,175)
Hapuskira Cukai Taksiran dan Notis E	140,646	46,860
Peruntukan Manfaat kakitangan (Tahun Semasa)	53,244	32,096
Peruntukan Hutang Ragu (Tahun Semasa)	601,185	305,740
Kerugian atas pelupusan harta tetap	19	15
Aliran Tunai Bersih dari Aktiviti Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	2,103,927	1,185,004
(Pertambahan)/Pengurangan dalam Akaun Belum Terima		103,921
4,542,461)	(
Pertambahan dalam Akaun Belum Bayar	1,357,123	207,298
Pengurangan/ (Pertambahan)dalam pinjaman Kakitangan	10,873	(11,079)
Pertambahan/ (Pengurangan) dalam Terimaan terdahulu	98,549	(173,267)
(Pengurangan) dalam Cagaran Diterima	(95,544)	(13,384)
Pertambahan/(Pengurangan) dalam Peruntukan manfaat kakitangan	91,694	(57,230)
(Pengurangan)/Pertambahan dalam Geran Tertunda	(736,160)	34,647
Pertambahan/(Pengurangan) Cagaran Dibayar	37,692	(7,398)
Pertambahan dalam Kumpulan Wang	25,594	-
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi	1,268,512	
1,648,713)	(
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Terimaan daripada faedah dan perolehan pelaburan	203,784	152,175
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pelaburan	203,784	152,175
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Pembelian harta tanah,loji dan peralatan	1,327,870	(385,550)
Pembelian Aset Tak Ketara	0	0
Pelupusan Aset	63,645	75,264
Terimaan daripada pelupusan aset tetap	8,660	7,340
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	1,400,175	(302,946)
Pertambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 1 hb.	(86,637)	1,117,741
Jan	4,602,884	13,485,143
	1	
Penyata di atas hendaklah dibaca bersama dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan		
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31.hb.	4,516,247	14,602,884
Dis	4	
	1	
Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili Oleh:-		
Wang di Bank dan di Tangan	4,416,247	4,602,884
Simpanan	0,100,000	10,000,000
Tetap		
	1	
	14,516,247	14,602,884

**MAJLIS DAERAH KERIAN
PERAK DARUL RIDZUAN**

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
PADA 31 DISEMBER 2022**

	JUMLAH BAJET ASAL RM	JUMLAH AKHIR RM	JUMLAH SEBENAR RM	VARIAN BAJET RM
PENERIMAAN				
Urus Niaga Bukan Pertukaran	17,022,118	17,022,118	35,935,772	(18,913,654)
Urus Niaga Pertukaran	3,827,852	3,827,852	3,255,219	572,633
Lain - Lain Terimaan	-	-	-	-
Jumlah Penerimaan	20,849,970	20,849,970	39,190,991	(18,341,021)
PEMBAYARAN				
Emolumen	9,200,273	9,200,273	8,206,426	993,847
Perkhidmatan dan Bekalan	12,545,294	12,545,294	19,222,968	(6,677,674)
Aset	481,060	481,060	400,624	80,436
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	252,267	252,267	248,815	3,452
Perbelanjaan Lain - Lain	245,245	245,245	5,024,969	(4,779,724)
Jumlah Pembayaran Mengurus	22,724,139	22,724,139	33,103,802	(10,379,663)
Perbelanjaan Pembangunan	790,050	790,050	355,345	434,705
Jumlah Pembayaran	23,514,189	23,514,189	33,459,147	(9,944,958)
PENERIMAAN BERSIH	(2,664,219)	(2,664,219)	5,731,844	(8,396,063)



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN LANDSKAP

• **PENGENALAN**

Jabatan Perancangan Bandar dan Lanskap, Majlis Daerah Kerian merupakan Jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan pembangunan guna tanah dalam kawasan pentadbirannya dirancang secara komprehensif, mampan, seimbang dan memenuhi kehendak rancangan pemajuan serta selaras dengan pembangunan Negeri Perak.


Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk membangunkan pengindahan bandar dari segi lanskap dan kemudahan rekreasi bagi meningkatkan kesejahteraan, keharmonian dan keselesaan penduduk dalam kawasan pentadbirannya.

• **FUNGSI JABATAN**

Antara fungsi Jabatan ini iaitu:

- a) Membangun, mengawal dan merancang pemajuan serta penggunaan tanah selaras dengan rancangan pemajuan dan seterusnya bagi memenuhi kehendak perancangan pembangunan sejagat.
- b) Membentuk strategi pembangunan yang komprehensif untuk mencapai suasana bandar yang mampan dan seimbang.
- c) Melaksanakan Local Agenda 21 Kerian yang berteraskan proses perundingan, penyertaan dan usahasama ke arah pembangunan mampan.
- d) Memastikan keperluan terhadap pembangunan insan dengan penyedia kemudahan rekreasi, ibadah dan pemeliharaan alam sekitar di samping kemudahan asas yang lain agar masyarakat yang syumul (sejahtera dan progresif) dapat dibentuk.
- e) Memperindahkawasan pentadbiran majlis bagi mewujudkan suasana yang harmoni dan selesa untuk didiami
- f) Memastikan kawasan-kawasan lanskap Majlis diselenggara dengan cekap dan mengikut kaedah yang betul.

CARTA ORGANISASI JABATAN PERANCANGAN BANDAR & LANDSKAP



LAPORAN / AKTIVITI JABATAN

1.0 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

KLASIFIKASI PERMOHONAN	STATUS				JUMLAH PERMOHONAN SELESAI
	LULUS	TOLAK	BATAL	PROSES	
Kebenaran Merancang	10	4	-	-	14
Kebenaran Merancang Serentak	32	15	-	2	49
Kebenaran Merancang Terhad	44	5	-	-	49
Lanjut Tempoh Kebenaran Merancang	9	-	-	-	9
Pelan Pinta Ukur	22	-	-	-	22
JUMLAH	117	24	-	2	143

2.0 KELULUSAN PELAN TEMPAT LETAK KERETA, PELAN LANDSKAP DAN PENAMAAN TAMAN/JALAN

BIL.	JENIS PELAN	JUMLAH DILULUSKAN
1.	Pelan Tempat Letak Kereta	1
2.	Pelan Landskap	3
3.	Penamaan Taman	12
4.	Penamaan Jalan	12

3.0 MEMBERI ULASAN PEMAJUAN

BIL	JENIS PERMOHONAN	SOKONG	TIDAK SOKONG
1.	Ulasan tukar syarat tanah, pecah sempadan, pecah bahagian/ sempadan, penyatuhan tanah dan susun atur di luar PBT.	40	7
2.	Ulasan permohonan tanah Kerajaan dan TOL.	99	8
3.	Pelan bangunan/ tambahan, pindaan bangunan dan ulasan permohonan mendirikan bangunan.	17	2
4.	Pelan Jalan Dan Parit.	18	-
5.	Pelan Kerja Tanah.	18	-
	JUMLAH	192	17

4.0 KUTIPAN KM TERHAD DAN CAJ PEMAJUAN 2023

CAJ PEMAJUAN	KEBENARAN MERANCANG TERHAD
RM 417,102.45	RM 174,413.25

5) LOCAL AGENDA 21 KERIAN

- Local Agenda 21 ialah suatu program untuk masyarakat, sektor swasta dan Pihak Berkuasa Tempatan bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan mampu.
